

UNESCO akui bahasa ibunda lebih berkesan

Kuala Lumpur: Kajian universiti tempatan dan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) memperakukan ilmu lebih berkesan diajar dalam bahasa ibunda berbanding bahasa lain.

Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata Bahasa Melayu memiliki banyak perbendaharaan kata yang boleh digunakan termasuk dalam bidang sains dan teknologi.

Perkayakan perbendaharaan kata

“Bagaimanapun, usaha memperkayakan perbendaharaan kata dalam pelbagai bidang ilmu perlu dibuat secara berterusan dan lebih banyak.

“Ini kerana adalah lebih baik Bahasa Melayu kekal sebagai bahasa bangsa yang maju daripada menjadi bahasa bangsa yang mundur,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VIII (SLPBM VIII) di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, semalam.

Sebelum ini, Tun Dr Mahathir Mohammad mengulangi gesaannya bahasa Inggeris sesuai untuk diajar bagi subjek Sains dan Matematik kerana ia bahasa ilmu yang boleh menjamin Malaysia tersenarai antara negara maju di dunia.